

22/06/1997

15,000 pelajar sertai Jalanria Multimedia 1997

GEORGETOWN: Lebih 15,000 pelajar sekolah menengah dan rendah di negeri ini, menyertai Jalanria Multimedia 1997 bertujuan mengutip derma bagi menubuhkan pusat sumber multimedia di setiap sekolah di negeri ini, semalam.

Acara jalanria multimedia itu terbahagi kepada enam zon iaitu membabitkan pelajar sekolah di sekitar Georgetown, Balik Pulau, Butterworth, Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal.

Bagi zon Geogretown, Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir melepaskan kira-kira 3,000 peserta jalanria itu di Taman Belia, di sini.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Perancangan Ekonomi dan Penerangan Negeri, Dr Toh Kin Woon; dan Pengarah Pendidikan Negeri, Ismail Salleh.

Program kutipan derma itu, dijalankan selama sebulan bermula 14 April hingga 14 Mei lalu, membabitkan kira-kira 250,000 pelajar di 320 sekolah di seluruh Pulau Pinang.

Ia yang dianjurkan oleh kerajaan negeri dengan Jabatan Pendidikan Negeri bertujuan mengumpul sumbangan kira-kira RM4 juta bagi mencapai hasrat menubuhkan pusat sumber multimedia itu di semua sekolah menjelang 1998.

Dr Koh berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi kerjasama penuh dan sokongan padu dalam usaha Jabatan Pendidikan Negeri bagi meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini.

Menurutnya, program itu sejajar ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan usaha Kerajaan Pusat untuk menerokai era teknologi maklumat melalui Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata, usaha itu juga akan dapat menyediakan negara dengan generasi yang mampu menangani cabaran era teknologi maklumat dalam sasaran Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Pada majlis itu, Dr Hamdan dan Dr Koh turut menyampaikan hadiah kepada sekolah dan pelajar yang berjaya mengumpul kutipan paling banyak untuk projek berkenaan.

(END)